

SIARAN AKHBAR

S.A. 2022/10/05_71 (HQ)

TNB BANTU MDR BERALIH KEPADA TBB DALAM MENDUKUNG PERALIHAN TENAGA NEGARA

- GSPARX pasang panel solar di bumbung MDR untuk tingkatkan penggunaan TBB
- MDR jimat lebih RM1 juta dalam tempoh 25 tahun sambil elak pelepasan 83.9 tan metrik CO2 setahun

Tenaga Nasional Berhad (TNB) melalui anak syarikatnya, GSPARX Sdn Bhd (GSPARX), menyediakan solusi tenaga pintar kepada Majlis Daerah Rompin (MDR) melalui sumber solar, sekali gus menyumbang kepada peralihan tenaga negara.

Baru-baru ini, kedua-dua pihak memeterai Perjanjian Bekalan Tenaga Boleh Baharu (*Supply Agreement For Renewable Energy, SARE*) bagi membolehkan GSPARX memasang sistem solar fotovoltaik (PV) berkapasiti 88.32kWp di atas bumbung bangunan Pentadbiran MDR tanpa kos.

Apabila pemasangan panel solar tersebut siap pada bulan Mac 2023, MDR dijangka dapat menikmati penjimatan bil elektrik hampir RM631,000 dalam tempoh 20 tahun kontrak perjanjian dan menikmati penjimatan sebanyak RM1.03 juta dalam tempoh 25 tahun.

Pengerusi TNB, Dato' Sri Hasan Arifin berkata, kerjasama itu adalah selaras dengan komitmen TNB dalam menyokong agenda kerajaan Malaysia untuk mencapai pengurangan intensiti pelepasan karbon dengan sasaran karbon sifar bersih (*net zero emissions*) menjelang tahun 2050.

Katanya, komitmen itu dipacu oleh langkah-langkah mengurangkan 35 peratus intensiti pelepasan karbon dan pengurangan 50 peratus kapasiti penjanaan tenaga arang batu menjelang 2035, selain memperkasakan penjanaan Tenaga Boleh Baharu (TBB).

"Menerusi projek kerjasama bersama GSPARX, TNB melaksanakan tanggungjawab sosial terhadap alam sekitar, selaras dengan aspirasi TNB untuk menjadi pembekal terunggul solusi tenaga di samping menjadi sebahagian daripada penyelesaian perubahan iklim," katanya ketika menyaksikan Majlis Menandatangani Perjanjian SARE di Rompin pada 16 September 2022.

Pemasangan panel solar di bangunan MDR itu mampu mengurangkan kadar tahunan 83.9 tan metrik karbon dioksida. Ini adalah bersamaan dengan pemerangkapan gas rumah hijau oleh 1,387 batang pokok dalam tempoh 10 tahun.

Di pihak TNB, SARE ditandatangani Ketua Retail Negeri (Pahang), Rozianis Mohd Noor dan Pengarah Urusan GSPARX, Elmie Fairul Mashuri bagi pihak GSPARX sebagai Pelabur PV Solar Berdaftar (Registered Solar PV Investor) manakala Majlis Daerah Rompin oleh Yang DiPertuannya, Dato' Ahmad Nasim Dato' Mohd Sidek.

Ia disaksikan oleh EXCO Kerajaan Tempatan dan Perumahan Negeri Pahang, Dato' Abd Rahim Muda dan Pengurus Besar TNB Negeri Pahang (*State Stakeholder Affairs-Pahang*), Datuk Baderul Sham Saad.

Ahmad Nasim berkata, pelaksanaan perjanjian itu menyumbang kepada pembangunan dan pengiktirafan MDR sebagai sebuah pihak berkuasa tempatan yang mampan, serta menjadikan Daerah Rompin sebagai Bandar Berdaya Huni Tahap Tertinggi pada tahun-tahun mendatang di bawah Program Indeks Daya Huni Malaysia (iDAM).

"Kami amat mengalu-alukan program persefahaman sebegini khususnya menyokong kepada langkah penjimatan kos pengurusan selain menjadi perintis kepada penerokaan sumber boleh diperbaharui oleh pihak MDR.

"Ia memberi kelebihan kepada pihak Majlis dari segi tiada keperluan bayaran pendahuluan, penjimatan bayaran bil elektrik bulanan atau tahunan, pakej perkhidmatan melibatkan pemantauan dan penyelenggaraan berjadual oleh pihak GSPARX serta sistem akan dimiliki oleh pihak Majlis selepas tempoh kontrak berakhir," katanya.

Sebelum ini, GSPARX telah memeterai SARE dengan beberapa pihak berkuasa tempatan termasuk Majlis Bandaraya Seberang Perai (MPSP), Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB), Majlis Bandaraya Seremban (MBS), Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) dan Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ).

Di bawah skim panel solar fotovoltaik, Pemeteran Tenaga Bersih (NEM) dan kegunaan sendiri (self-consumption; SELCO) yang dilaksanakan kerajaan, kira-kira 300 pelanggan komersil, industri dan agensi kerajaan telah memeterai perjanjian dengan GSPARX menerusi SARE dan pembelian terus untuk menjana kira-kira 145MWp tenaga hijau.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 5 Oktober 2022, jam 12:00 tengah hari

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi **TNB***

Hanim Idris 019-2617617 /

Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606

atau e-mel kami: media@tnb.com.my



Mewakili TNB, dokumen perjanjian ditandatangani Ketua Retail Negeri (Pahang), Rozianis Mohd Noor (berdiri di tengah-tengah), Pengarah Urusan GSPARX, Elmie Fairul Mashuri (paling kanan) dan Yang DiPertua Majlis Daerah Rompin, Dato' Ahmad Nasim Dato' Mohd Sidek.

Majlis Menandatangani Perjanjian SARE ini disaksikan oleh EXCO Kerajaan Tempatan dan Perumahan Negeri Pahang, Dato' Abd Rahim Muda (tiga, kiri), Ahli Parlimen Rompin merangkap Pengerusi TNB, Dato' Sri Hasan Arifin (dua, kiri) dan Pengurus Besar (State Stakeholder Affairs-Pahang), Datuk Baderul Sham Saad (dua, kanan).